



TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

TIMBALAN KETUA PENGARAH

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

PERHIMPUNAN BULANAN BIL.9 /2021

KETUA PENGARAH AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SECARA MAYA

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih Pn. Nor Jaliah Binti Ahmad dan Cik Nur Liyana Binti Sulaiman selaku pengacara Majlis.

YANG BERUSAHA DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM

Ketua Pengarah, Agensi Nuklear Malaysia

YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

YANG BERUSAHA EN. MOHD SIDEK OTHMAN

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan dan Perancangan Teknologi

YANG BERUSAHA EN. ROSLEEZAM BIN JAMAUDIN

Menanggung tugas Pengarah Kanan Program Pengurusan

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat serta keizinanNYA jua kita dapat berkumpul bersama-sama dan hadir dalam **PERHIMPUNAN BULANAN BIL.9 /2021 ANJURAN BAHAGIAN KEJURUTERAAN (BKJ)**.
2. Sebagai pembuka bicara, saya ingin mengucapkan **“SELAMAT HARI MALAYSIA”** dengan tema **“MALAYSIA PRIHATIN”** yang baru disambut pada 16 September yang lepas. Sama-sama kita menikmati kemakmuran dan kejayaan yang dikecapi negara setelah 64 tahun mencapai kemerdekaan.
3. Berlandaskan konsep **“Keluarga Malaysia”** yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini sebagai usaha memelihara keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Sama-sama kita memperkukuhkan keharmonian dan kesejahteraan diri, keluarga, rakyat dan negara Malaysia yang sangat kita cintai.
4. Dalam era pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia termasuklah negara kita, banyak industri yang terkesan dan ramai

rakyat yang kehilangan pekerjaan dan juga insan tersayang. Kita sebagai penjawat awam yang mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang tetap hendaklah sentiasa bersyukur dan menyokong usaha kerajaan dalam membendung penularan Covid-19 dengan penetapan Standard Operating Procedure (SOP) dan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

5. Saya amat bersyukur dan ingin merakamkan jutaan setinggi-tinggi PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH dengan kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh warga Nuklear Malaysia dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan kerajaan seperti penglibatan dalam pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bangi Avenue Convention Centre (BACC) sejak dari 5 Julai yang lepas. Terdapat juga warga Nuklear Malaysia yang ditugaskan sementara di '*COVID-19 Immunisation Task Force*' (CITF) dan Kementerian Kesihatan. Saya juga dimaklumkan hampir semua warga Nuklear Malaysia telah pun lengkap menerima vaksin Covid-19. Penglibatan warga Nuklear Malaysia dalam program-program yang dijalankan kerajaan ini dapat membantu mencapai sasaran '*Herd Immunity*' dalam masa terdekat. Sekali lagi, jutaan setinggi-tinggi PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH kepada warga Nuklear Malaysia yang terlibat.

KEHADIRAN BEKERJA DI PEJABAT

6. Dengan bilangan kes Covid-19 di seluruh negara yang stabil dan peningkatan peratusan penduduk divaksinasi, kita kena bersedia untuk kembali bekerja seperti biasa. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman berkata jumlah kehadiran kakitangan awam di pejabat akan ditingkatkan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira faktor lain khususnya pembukaan lebih banyak sektor ekonomi dan juga pembukaan sesi persekolahan. Buat masa ini, saya mengharapkan kebijaksanaan pengarah-pengarah bahagian dalam menyusun kehadiran kakitangan ke pejabat selaras dengan arahan-arahan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa. Saya yakin ada di kalangan kita yang terlampau selesa Bekerja Dari Rumah (BDR) di mana tiada pengawasan dari pegawai atasan. Namun perlu diingatkan, kita hendaklah jujur dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Pegawai yang BDR perlu sentiasa bersedia jika diarahkan ke pejabat untuk melaksanakan urusan-urusan yang tidak dapat disempurnakan di rumah dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

KESIHATAN DAN AMALAN WARGA NUKLEAR MALAYSIA DI PEJABAT

7. Kementerian Kesihatan sendiri mengingatkan kita supaya memastikan pengudaraan yang baik (*Good Ventilation*) di dalam bangunan bagi mengelakkan penularan virus Covid-19. Justeru itu, saya akan berbincang dengan Bahagian Kejuruteraan (BKJ) bagi memastikan pengudaraan di bangunan Nuklear Malaysia berfungsi dengan baik sebagai langkah memastikan keselamatan dan kesihatan warga Nuklear Malaysia terjamin jika diarahkan kembali bekerja di pejabat.

8. Kebanyakan premis dan tempat kerja telah beroperasi semula di bawah Pelan Pemulihan Negara. Namun, harus diingat, COVID-19 masih berada dalam komuniti. Saya mengharapkan agar warga Nuklear Malaysia sentiasa beringat dan mengamalkan budaya norma baharu dalam persekitaran kerja seharian.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA NUKLEAR MALAYSIA SEKALIAN.

AWARD FOR ACHIEVEMENT IN PLANT MUTATION

9. Pada 21 September 2021 yang lepas, Nuklear Malaysia telah menerima Award For Achievement in Plant Mutation semasa Persidangan Agung IAEA kali ke-65 di Vienna yang diterima oleh KPNM. Tahniah diucapkan. Sesungguhnya kegigihan dan pengorbanan kita ini amat berharga dan perlu menjadi satu kebanggaan kita kerana berjaya menempa nama dan kejayaan serta kecemerlangan sehingga ke peringkat antarabangsa.

PERKEMBANGAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK TAHUN 2021

10. Seperti kita sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dari tahun 2020 dan sehingga la kini pada fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), sedikit sebanyak menjejaskan perancangan aktiviti di Nuklear Malaysia termasuklah projek pembangunan dan operasi dan penyelenggaraan aset. Untuk makluman, beberapa projek pembangunan yang dijangka siap pada tahun 2021 seperti projek Pagar Keselamatan High Security dan Kemudahan bunker di Pusat Pengurusan Sisa (DSRS)

mengalami kelewatan. Namun begitu, usaha-usaha proaktif telah diambil untuk memastikan projek ini dapat disiapkan tahun ini juga seperti dirancang. Saya sebolehnya mahu memastikan kedua-dua projek pembangunan ini dapat disiapkan dalam tahun semasa.

11. Banyak juga aktiviti operasi dan penyelenggaraan aset terganggu disebabkan kesukaran untuk membuat proses perolehan seperti mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) bagi melantik syarikat. Namun begitu, dengan kebenaran dari Kementerian Kewangan yang membenarkan mesyuarat JKSH diadakan secara maya baru-baru ini, banyak perolehan kita dapat disempurnakan dengan perantikan syarikat yang berjaya.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA NUKLEAR MALAYSIA SEKALIAN.

PENGURUSAN ASET NUKLEAR MALAYSIA

12. Untuk makluman, Nuklear Malaysia mempunyai lebih dari 70 buah bangunan dan peralatan-peralatan saintifik dan aset-aset yang terdapat dalam bangunan yang dianggarkan bernilai melebihi RM400 juta. Dengan jumlah bangunan dan aset yang banyak, pengurusan aset perlu dilaksanakan secara sistematik, holistik dan

lestari dengan mengikut tatacara yang ditetapkan Kerajaan untuk mencapai faedah aset yang optimum.

13. Syabas kepada Bahagian Kejuruteraan (BKJ), Bahagian Sokongan Teknikal (BST) dan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dalam melaksanakan pengurusan aset termasuklah dari pengurusan peruntukan, proses perolehan dan penyeliaan penyelenggaraan aset bagi memastikan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di Nuklear Malaysia berjalan dengan lancar. Tanpa khidmat dari BKJ, BST dan BKP ini, aktiviti R&D tidak dapat dijalankan dan kerja harian sudah pasti akan terganggu.

PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK YANG BERHEMAH

14. Suka juga saya ingin ingatkan kepada semua warga Nuklear Malaysia supaya mengambil tanggungjawab dan memberikan kerjasama sepenuhnya dengan menggunakan tenaga elektrik secara optima dan berhemah.
15. Semua warga Nuklear Malaysia disaran untuk menetapkan suhu penyaman udara “split unit” antara 24 hingga 25 darjah celcius serta mematikan penyaman udara apabila tiada didalam pejabat

melebihi tempoh 2 jam, memadamkan lampu bilik, komputer dan peralatan-peralatan elektrik dan elektronik semasa tidak digunakan. Ini adalah antara amalan yang tidak melibatkan kos serta mampu memberi penjimatan kepada kerajaan. Maklumat lanjut, sila rujuk SURAT PEKELILING AM BIL 2 TAHUN 2014 bertajuk **GARIS PANDUAN KAEDAH PENJIMATAN TENAGA DI PEJABAT DAN PREMIS KERAJAAN** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA NUKLEAR MALAYSIA SEKALIAN.

PROMOSI DAN PENGETAHUAN HASIL PENYELIDIKAN

16. Saya juga ingin menyeru kepada semua penyelidik untuk terus mempromosi dan menonjolkan penyelidikan, khidmat dan keberhasilan kepada masyarakat. Sumbangan, pencapaian dan hasil penyelidikan yang bermanfaat haruslah dikongsi dan di sebarkan kepada pengetahuan masyarakat. Tuan-tuan dan puan-puan boleh menghubungi Unit Komunikasi Korporat untuk bantuan promosi samada di sosial media dan juga liputan media. Medium dalam bentuk gambar dan video kerja lapangan, aktiviti

penyelidikan, pencapaian, kisah kejayaan mahupun *touch point* boleh dikongsikan melalui saluran rasmi sosial media, website Agensi Nuklear Malaysia mahupun di media cetak atau elektronik. Saya juga dimaklumkan bahawa Nuklear Malaysia telah diberikan slot di Radio SelangorFM menerusi segmen Evolusi Teknologi sebanyak 2 kali siaran setiap bulan. Justeru, saya mengharapkan setiap bahagian mengambil peluang akan platform yang telah disediakan ini dengan mengetengahkan hasil-hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan untuk pengetahuan masyarakat.

PENUTUP

17. Setiap bahagian harus komited melaksanakan setiap sasaran dan inisiatif yang dirangka. Diharapkan usaha ini mampu merencanakan lagi aktiviti R&D teknologi nuklear dalam pelbagai bidang strategik, pengkomersilan produk, disamping meningkatkan bilangan penerbitan penyelidikan.

18. Saya mendoakan agar semua warga Nuklear Malaysia dikurniakan kesihatan yang baik serta minda yang lapang untuk terus bersama-sama berganding bahu menabur bakti dalam memajukan dan meningkatkan keberadaan Nuklear Malaysia di

mata rakyat Malaysia. Semoga beberapa bulan lagi sebelum tahun 2021 melabuhkan tirainya ini, dapat menjanjikan lebih banyak kejayaan buat Nuklear Malaysia dengan kerjasama dan komitmen anda semua yang saya kasihi sekalian.

19. Terima kasih dan syabas diucapkan kepada Bahagian Kejuruteraan yang berjaya menganjurkan Perhimpunan Bulanan Bil.9 /2021. Tidak lupa juga kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan kali ini termasuklah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) atas komitmen yang telah diberikan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah. Wasalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.